

Ihsan Johor capai sasaran

Berjaya bina 20 rumah tahun ini bantu golongan memerlukan miliki kediaman sendiri

BATU PAHAT - Pertubuhan Ihsan Johor berjaya mencapai sasaran membina 20 rumah tahun ini bagi membantu golongan memerlukan memiliki kediaman sendiri.

Pengarah Pentadbiran Ihsan Johor, Azhar Zainal Abidin berkata, walaupun sudah mencapai sasaran, pihaknya tidak akan berhenti malah menasarkan untuk membina 50 rumah lagi pada tahun hadapan.

Menurutnya, pihaknya akan cuba membina lima rumah setiap bulan dengan menggunakan kakuh berbezra.

"Kita akan cuba bina rumah yang lebih selesa dan kaedahnya juga mungkin berbezra, cuma konsepnya iaitu membina rumah pasang siap akan dikekalkan seperti yang kita lihat sekarang ini."

Rumah yang bakal dibina pada tahun hadapan, kemasannya akan diperbaiki termasuklah di bahagian dalam dinding yang akan cat dengan warna lebih ceria, berbanding tahun ini kita gunakan cat asas sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas perasmian Rumah Ihsan Johor ke-20 di Kampung Parit Baring, Parit Raja yang turut dihadiri Adun Parit Raja, Puan Sri Azizah Zakaria dan Pengarang Projek Rumah Ihsan Johor, Mohd Kamal Ulum Morsin.

Azhar berkata, anggaran kos setiap rumah antara RM50,000 hingga RM60,000 dan pembinaan mengambil masa tiga hari sahaja untuk disiapkan melibatkan tenaga kerja 30 hingga 35 sukarelawan.

Penerima pula katanya, terdiri daripada mereka yang berdaftar dengan e-Kash dan mempunyai tanah sendiri, tetapi tidak mampu membina atau membeli rumah sendiri.

"Walaupun pembinaan rumah ini mengambil masa yang singkat,

Kita akan cuba bina rumah yang lebih selesa dan kaedahnya juga mungkin berbezra, cuma konsepnya iaitu membina rumah pasang siap akan dikekalkan." - Azhar Zainal Abidin

struktur bangunannya dijangka mampu bertahan sehingga 20 tahun," katanya.

Penerima syukur tak perlu menyewa lagi

Sementara itu, penerima Rumah Ihsan Johor yang ke-20, Md Katimin, 64, melahirkan rasa syukur dengan bantuan yang dihulurkan sehingga membolehkannya dia memiliki kediaman sendiri.

Selepas ini, katanya, dia bersama tiga anaknya berusia 11 hingga 20 tahun dapat tinggal dalam rumah yang lebih selesa, berbanding tinggal menyewa dengan bayaran RM250 sebulan ketika ini.

Md Katimin yang sebelum ini bekerja sebagai buruh pernah mempunyai rumah sendiri di tanah perumahan berhampiran, namun terpaksa dilelong kerana tidak mampu membayar asuransian bulanan.



Antara sukarelawan yang terlibat dalam pembinaan Rumah Ihsan Johor yang ke-20 di Kampung Parit Baring, Parit Raja.

"Saya terpaksa berhenti kerja sebab kesihatan tak mengizinkan dan hanya mengharapkan gaji bulanan anak sulung yang bekerja kilang, seratahnya dia pun saudara dan kenalan.

"Terima kasih kepada pihak yang telah membantu saya, termasuklah Kerajaan Negeri Johor yang mewujudkan program bantuan rumah ini. Ringk息

beban saya yang sebelum ini terpaksa berpindah-pindah kerana tidak mampu bayar sebaik rumah sedera tetap," katanya.

Pupuk semangat sukarelawan

Projek Rumah Ihsan Johor bukan sahaja dapat membantu keluarga memerlukan memiliki rumah sendiri, malah secara tidak langsung dapat memupuk semangat sukarela dalam kalangan masyarakat.

Kebanyakan mereka yang menyertai kumpulan sukarelawan itu adalah anak muda yang masih menuntut di universiti, malah lebih menggunakan mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang dan juga program pengajian.

Azizah berkata, kerja pembinaan Rumah Ihsan Johor di Kampung Parit Baring melibatkan pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kolej UCSI, Kolej PolyTech Mara (KPTM) Batu Pahat dan Kolej Koop Kuala Lumpur.

"Kita lihat ia sesuai yang amat baik untuk pelajar ini kerana mereka dapat mempelajari ilmu asas untuk membina sebuah rumah, termasuklah dalam pendawaian elektrik dan juga pemasangan paip."

"Saya harapkan projek pembinaan rumah ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa, dan tidak berhenti setelah mencapai sasaran tertentu sahaja," katanya.

Bagi sukarelawan, Nurul Asyikin Mohamad Raghi, 19, ini kali pertama dia menyertai aktiviti sukarela membina rumah, yang mana sebelum ini dia hanya membantu membersihkan kawasan kedianaman.

"Walaupun pasang dinding rumah sahaja tapi ia satu pengalaman yang cukup berguna," katanya.



Azizah (dua, kiri) ketika penyerahan rumah kepada Md Katimin.



Sukarelawan menyediakan bahan asas untuk pembinaan rumah.

